

LEMBARAN PENERANGAN PRODUK

Sila baca Lembaran Penerangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon EkspresJaminan Bank (Express BG) dengan Affin Bank Berhad ("pihak Bank"). Anda boleh mendapatkan penjelasan lanjut dari pihak Bank sekiranya anda tidak memahami mana-mana bahagian dalam dokumen ini atau terma am khususnya terma-terma yang mempengaruhi kewajipan anda.



**Jaminan Bank Ekspres
(Express BG)**

1. Apakah produk ini?

- Jaminan Bank Ekspres (Express BG) merupakan jaminan secara bertulis oleh pihak Bank untuk membayar pihak yang dijamin (Benefisiari) sejumlah amaun yang telah dipersetujui sekiranya pelanggan gagal atau mungkir dalam memenuhi kewajipannya yang tertakluk di bawah terma dan syarat jaminan tersebut.
- Perbezaan di antara Express BG and BG yang dikeluarkan oleh pihak Bank ialah:
 - ia ditawarkan kepada pelanggan peminjam dan bukan peminjam yang merupakan pemegang akaun kepada Bank.
 - ia disandarkan sepenuhnya dengan Margin Tunai yang didebitkan dari akaun Pemohon yang diselenggarakan dengan Bank atau Deposit Tetap (FD)/ Deposit Berjangka-i (TD-i) di atas lien kepada pihak Bank.
 - ia adalah transaksi sekali sahaja tanpa sebarang kemudahan kredit pra-lulus yang ditunaikan/diberikan.
- Apabila berlaku pembatalan Express BG, sekiranya tiada tuntutan diterima daripada Benefisiari, cagaran Tunai yang diambil sebelum ini akan dikembalikan ke akaun pelanggan atau penandaan Atas Lien (*On-Lien*) akan dibatalkan.

2. Apakah yang saya perolehi dari produk ini?

- Express BG merupakan satu jaminan dan obligasi bayaran kepada Benefisiari oleh pihak Bank yang dapat memudahkan anda mengembangkan urusan perniagaan ke pasaran baru.
- Sebagai komitmen kewangan yang berterusan oleh kontraktor (pemohon) bagi memastikan peyempurnaan obligasi pada kontrak/ projek.

3. Apakah kewajipan saya?

- Menyediakan jumlah Tunai atau Deposit Tetap (FD)/ Deposit Berjangka-i (TD-i) yang bersesuaian seperti yang ditentukan oleh Bank.
- Membuat pembayaran segera kepada Bank untuk sebarang fi dan caj ketika Express BG dikeluarkan atau apa-apa fi yang berkaitan dengan Express BG pada bila-bila masa, seperti mana yang ditentukan oleh pihak Bank.
- Memberi kuasa kepada pihak Bank untuk mendebit akaun anda untuk sebarang jumlah yang dituntut oleh pihak Bank termasuk sebarang caj, faedah, kos atau perbelanjaan berkaitan pembayaran yang telah dibayar oleh pihak Bank di bawah Express BG tersebut.
- Membuat pembayaran serta merta kepada pihak Bank untuk caj-caj yang berkaitan sekiranya berlaku tuntutan ke atas Express BG daripada pihak yang dijamin (Benefisiari),.

4. Apakah fi dan caj yang saya perlu bayar?

Fi dan Caj	Amount (RM)
Komisen Pengeluaran dan Pembaharuan	0.125% sebulan atau sebahagian daripadanya Minimum RM250.00
Komisen Pindaan (Lanjutan Tarikh Luput/ Peningkatan Amaun)	0.125% sebulan atau sebahagian daripadanya Minimum RM250.00
Pindaan (Lain-lain)	RM50.00
Penyemakan Format BG	RM250.00
Serah Hak BG	RM250.00
Yuran Pengendalian	RM100.00
Duti Setem - Format BG - Borang Permohonan Duti setem tambahan jika Express BG dijamin oleh FD/TD-i - Letter of Set-Off (LOSO) - Charge Over Cash Deposit (COCD)	RM10.00 RM10.00 RM10.00 0.5% ad valorem
Perkhidmatan Kurier	RM15.00

Note: Base Lending Rate (BLR) is subject to change from time to time as published on
<https://www.affinways.com/en/rates-and-pricing>

5. Bagaimana jika saya gagal memenuhi kewajipan saya?
Bank berhak untuk menolak sebarang baki dari akaun deposit anda atau mana-mana akaun lain yang diuruskan oleh Bank untuk menyelesaikan pembayaran tertunggak di bawah kemudahan yang diberikan oleh Bank.
6. Apakah risiko utama?
Setelah menerima tuntutan/permintaan daripada Benefisiari, Bank akan meneruskan untuk memenuhi tuntutan/permintaan dengan membuat pembayaran menggunakan margin tunai atau mencairkan Deposit Tetap yang diambil.
7. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan pembelaan?
- Jika anda mempunyai kesukaran dalam membuat pembayaran, sila hubungi pihak Bank di talian 03-8230 2222, dengan kadar segera untuk membincangkan alternatif pembayaran. - Sekiranya anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh pihak Bank, sila hubungi: Pengurusan Maklum Balas Pelanggan & Resolusi Tingkat 9, Menara Affin, Lingkar TRX, Tun Razak Exchange, 55188 Kuala Lumpur Pusat Panggilan : 03-8230 2222 E-mel : yourvoice@affingroup.com Laman Web : https://www.affinalways.com - Secara alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di: Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) Tingkat 5 and 6, Menara Aras Raya (Dahulunya dikenali sebagai Menara Bumiputra-Commerce), Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur Telefon : 03-2616 7766 E-mel : enquiry@akpk.org.my Laman Web : www.akpk.org.my Waktu Operasi : 9.00 pagi – 5.00 petang (Isnin - Jumaat) - Jika anda tidak berpuas hati dengan cara penyelesaian pihak Bank terhadap pertanyaan atau aduan anda sila hubungi Bank Negara Malaysia (BNM) Link atau Telelink di: BNMLINK Bank Negara Malaysia P.O. Box 10922 50929 Kuala Lumpur Telefon : 1-300-88-5465 eLINK : https://bnmlink.bnm.gov.my/
8. Apa yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?
Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan kepada kami (secara bertulis dihantar ke cawangan pemegang akaun) tentang sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.
9. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?
Untuk maklumat lanjut, sila hubungi cawangan Affin Bank Berhad berhampiran anda atau hubungi Pusat Panggilan kami di 03-8230 2222 atau layari laman web kami di www.affinalways.com

10. Kemudahan lain yang ditawarkan.

Pihak Bank menawarkan kemudahan Ekspres Surat Kredit (Express LC) dan juga kemudahan bil perdagangan lain seperti Penerimaan Jurubank (BA), Bil Perundingan (BN), Pembelian Bil Pertukaran (BEP), Pembiayaan Semula Kredit Eksport (ECR), Surat Kredit (LC), Jaminan Perkapalan (SG), Pinjaman Perdagangan-Fleksi (FTL) dan Resit Amanah (TR)

Penafian:

Lembaran Pendedahan Produk ini adalah untuk tujuan maklumat sahaja dan tidak mengandungi sebarang pandangan untuk mana-mana perkara yang dibincangkan. Semua maklumat dan bahan termasuk perkhidmatan, produk, maklumat kewangan, data, teks atau perkara lain-lain yang dinyatakan adalah seperti 'seadanya' dan 'boleh didapati' dan disediakan untuk maklumat dan rujukan anda sahaja. Affin Bank Berhad tidak menjamin manfaat atau kelengkapan maklumat yang diberikan dan tidak bertanggungjawab untuk sebarang ralat dan tidak bertanggungjawab bagi kesan yang timbul daripada mana-mana pendapat atau kenyataan yang terkandung di dalam lembaran ini atau untuk sebarang pengecualian. Lembaran Pendedahan Produk ini adalah sulit dan tidak boleh dikeluarkan semula (secara keseluruhan atau sebahagian) kepada mana-mana individu tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Affin Bank Berhad.

Ketelusan dan Pendedahan Produk:

Affin Bank Berhad komited dalam memastikan pelanggan dilayan dan dibimbing di bawah **panduan BNM, Layanan Adil kepada Pengguna Kewangan dan Pelakuan Perniagaan yang Dilarang**.

NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL KE ATAS ANDA JIKA ANDA GAGAL UNTUK MENERUSKAN PEMBAYARAN KEMUDAHAN ANDA.

Maklumat yang dinyatakan di dalam lembaran keterangan ini sah dari 01 Ogos 2024.

Saya / Kami dengan ini mengakui bahawa terma utama lembaran pendedahan produk ini, khususnya, terma yang memberi kesan kepada kewajipan saya / kami, telah dijelaskan dengan jelas kepada saya / kami oleh kakitangan, wakil atau ejen Bank.

Tandatangan : _____

Nama : _____

No Kad Pengenalan: _____

Tarikh : _____